

Headline	Peluang SSTMI, UniKL muncul juara Divisyen 1		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Feb 2013	Color	Black/white
Section	Arena	Circulation	324,097
Page No	55	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	106 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 2,185
Frequency	Daily	PR Value	MYR 6,556



Peluang SSTMI, UniKL muncul juara Divisyen 1

LIGA HOKI REMAJA MALAYSIA 2013

Kuala Lumpur: Pemenang mutlak Divisyen Satu MHC MILO MSN Liga Hoki Malaysia akan dapat diketahui Khamis ini selepas Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) menewaskan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) 4-0 di Stadium Nasional Bukit Jalil.

SSTMI akan bertemu UniKL Young Guns, Khamis ini dan mana-mana pasukan yang mencatat kemenangan bakal menjuang gelaran liga, namun jika kedua-duanya meraih keputusan seri, MBPJ akan meraikan kemenangan.

MBPJ hanya memerlukan keputusan seri untuk mengesahkan kejuaraan liga, tetapi pemain SSTMI, Shahril Saabah mengahankan harapan lawan apa-

bila meledak gol pertama menerusi pukulan sudut penalti seawal minit keempat.

SSTMI menambah gol kedua pada minit ke-30 menerusi sumbangan Mohamed Zulhamizan sekali gus menyaksikan SSTMI selesa dengan kelebihan dua gol selepas berakhir babak pertama.

Memasuki babak kedua, Huzairy Zin menjadikan kedudukan 3-0 pada minit ke-43 dan Azwar Rahman meledak gol keempat, 10 minit selepas itu.

Jurulatih SSTMI, Wan Roslan Wan Rahman berkata: "Kekalahan kepada MBI Anderson Jumaat lalu jelas menyedarkan pemain untuk beraksi lebih baik apabila bertemu MBPJ.

"Kini kami tidak boleh lagi melakukan kesilapan pada perlawanan bertemu UniKL kerana pemenang akan dinobatkan sebagai juara," katanya.